



LKIM

BORANG SEBUT HARGA BEKALAN/PERKHIDMATAN SEBUT HARGA BIL. (LKIM:S5/2021)

Pengarah
Bahagian Kewangan dan Akaun
Aras Bawah, Wisma LKIM,
Jalan Desaria, Pulau Meranti,
47120 Puchong, Selangor.

Tuan,

TAWARAN PENJUALAN KAMERA DIGITAL CANON (LKIM:S5/2021)

Merujuk perkara di atas, saya berminat menyertai sebut harga tersebut. Saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk membeli Kamera Digital aset alih Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia tersebut dengan harga sebanyak Ringgit Malaysia:

.....
..... (RM).....).

2. Saya bersetuju dengan semua syarat-syarat yang di tetapkan.

Tempoh mengambil aset alih di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia ialah 2 minggu dari surat tawaran dikeluarkan dan setelah pembayaran dibuat.

Bertarikh pada haribulan 2021;.

.....

Tandatangan Penyebutharga

Nama
Penuh: _____

No.K/P: _____

Alamat: _____

No. Tel: _____

MUSTAHAK –
SYARAT – SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga. SILA PASTIKAN ANDA TELAH MEMBACA SERTA MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT-SYARAT YANG TELAH DITETAPKAN.

1. KEADAAN BARANG

Barang adalah dijual sepertimana keadaan barang berada sekarang (*as-is-where-is basic*)

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah bersih termasuk semua perbelanjaan dan pengangkutan yang berkaitan

3. KOS-KOS LAIN

Semua perbelanjaan berkaitan pembelian barang seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah di tanggung oleh penyebut harga sendiri.

4. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

5. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

LKIM adalah berhak tidak terikat untuk menerima sebut harga yang tertinggi atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Peringkat Ibupejabat LKIM adalah muktamad.

6. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- a. Tarikh Pelawaan dan Borang Sebut Harga dibuka Pada **22 Mac 2021 (ISNIN)** di portal rasmi LKIM <https://www.lkim.gov.my>
- b. **Borang Sebut Harga yang telah bertandatangan.**
- c. Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebut Harga **LKIM:S5/2021** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam

peti sebut harga pada atau sebelum 5 April 2021 (ISNIN) tidak lewat jam 12.00 tengahari.

- d. Semua dokumen sebut harga hendaklah sampai di alamat seperti dibawah:

**BAHAGIAN KEWANGAN DAN AKAUN
ARAS BAWAH WISMA LKIM
JALAN DESARIA, PULAU MERANTI,
47120 PUCHONG, SELANGOR.**

- e. Jika dokumen sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, penyebut harga hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan tempat yang ditetapkan.
- f. Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

7. **TEMPOH BAYARAN PENUH**

Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **empat (4) minggu dari tarikh surat tawaran dikeluarkan**. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.

8. **TEMPOH MENGAMBIL ASET ALIH**

Penyebut harga yang berjaya hendaklah **mengambil Aset Alih dalam tempoh dua (2) minggu setelah pembayaran penuh dijelaskan**. Jika tidak mengambil dalam tempoh tersebut, bayaran tidak akan dikembalikan dan tawaran adalah dianggap batal.